

## 189 cermin mata tiruan jenama terkenal bernilai RM46,031 disita

Khairul Abidin Nuar

07 Ogos 2019 12:36 PM



**IPOH 7 Ogos** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita 189 unit cermin mata berjenama terkenal yang disyaki merupakan barang tiruan bernilai RM46,031 dalam serbuan di beberapa premis sekitar bandar raya ini semalam.

Operasi bermula pukul 10 pagi itu disertai 21 anggota penguat kuasa KPDNHEP Perak bersama lima wakil cap dagang.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Khalid Tik berkata, tiada tangkapan dibuat sebaliknya orang yang disyaki menjalankan perniagaan berkenaan dilepaskan selepas keterangan diambil.

"Hasil pemeriksaan mendapati peniaga cermin mata berjenama terkenal itu disyaki membekalkan atau menawarkan suatu perihal dagangan palsu seolah-olah barang itu tertakluk kepada apa-apa hak berhubung dengan cap dagangan berdaftar."

"Oleh itu, kesemua barang sitaan disimpan di stor ekhibit KPDNHEP Perak untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 8 (2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011. - UTUSAN ONLINE